

# Majlis Peguam harap Rais jadi penghubung kerajaan

UM 1-2 DEC 1999

10

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Majlis Peguam menyifatkan pelantikan Datuk Dr. Rais Yatim yang mempunyai latar belakang undang-undang menganggotai kabinet akan memberi perspektif baru dalam hubungan antara badan itu dengan kerajaan.

Presiden Majlis Peguam, R.R. Chelvarajah berkata, kehadiran Rais dalam kabinet membolehkan anggota kabinet memahami dengan lebih jelas aspirasi badan itu di samping isu-isu kedaulatan undang-undang, pengasingan kuasa, pentadbiran keadilan dan kebebasan kehakiman.

Rais yang juga seorang peguam dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Berdasarkan latar belakangnya itu, beliau dijangka diberi tanggungjawab mengendalikan hal ehwal undang-undang.

“Dr. Rais boleh menjadi orang tengah ke arah kerjasama dan hubungan yang lebih erat antara badan peguam dan kerajaan terutamanya demi pembangunan undang-undang,” katanya kepada pemberita di sini malam ini.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis memperingati Hari Hak Asasi Sedunia anjuran Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam dan Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (Hakam).

---

## Aktiviti

Menurut Chelvarajah, Rais sebelum ini aktif dalam aktiviti Majlis Peguam.

Selain menganggotai Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam pada tahun 1997 dan 1998, beliau juga pernah menyampaikan beberapa kertas kerja dalam seminar anjuran badan itu.

Chelvarajah berharap kehadiran Rais dalam kerajaan akan mempercepatkan beberapa perubahan penting dalam bidang perundangan seperti pengenalan Akta Menghina Mahkamah dan pindaan kepada Akta Timbangtara yang telah lama tertangguh.

“Dengan kepakaran dan pengetahuannya, beliau boleh memberikan maklumat tentang rasional di sebalik pembaharuan itu,” katanya.

Chelvarajah juga memaklumkan bahawa Majlis Peguam akan menghantar cadangan pindaan ke atas Akta Timbangtara kepada kerajaan dalam masa sebulan dua ini.

Sempena majlis itu, Chelvarajah turut melancarkan buku bertajuk *Human Rights and the National Commission*, hasil suntingan pensyarah Universiti Malaya, Datuk Dr. S. Sothi Rachagan dan Presiden Hakam, Ramdas Tikamdas.

Buku itu membincangkan rencana mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang baru ditubuhkan pertengahan tahun ini dan perbandingan dengan beberapa suruhanjaya di negara-negara anggota ASEAN yang lain.